



KERAJAAN MALAYSIA

Kaedah Pelaksanaan Perolehan/Projek Kerajaan Tahun 2022 dan 2023 (Pindaan pada 1 Ogos 2022)

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PK 2.2 Kaedah Pelaksanaan Perolehan/Projek Kerajaan Tahun 2022 dan 2023	3
1. Pendahuluan	3
2. Perancangan dan Pelaksanaan Perolehan Tahunan 2022 dan 2023	3
3. Kebenaran Mepakejkan Perolehan Tahunan Bagi Perolehan Bekalan, Perkhidmatan dan Kerja	3
4. Kaedah Perolehan Kerja	4
5. Had Nilai Bagi Pihak Berkuasa Melulus.....	8
6. Taklimat Tender/Sebut Harga/Lawatan Tapak.....	8
7. Kaedah Pengendalian Mesyuarat Jawatankuasa Perolehan.....	9
8. Tarikh Kuat Kuasa.....	9

PK 2.2 Kaedah Pelaksanaan Perolehan/Projek Kerajaan Tahun 2022 dan 2023

1. Pendahuluan

- 1.1 Kementerian Kewangan mulai suku kedua tahun 2020 telah memberi beberapa kelonggaran tatacara dan peraturan perolehan bagi menyokong usaha Kerajaan merancakkan aktiviti ekonomi agar pelaksanaannya dapat dipercepatkan dan seterusnya mampu memberi kesan berganda kepada ekonomi negara serta kesejahteraan Rakyat.
- 1.2 Kementerian Kewangan berpandangan kelonggaran tersebut masih relevan untuk menyokong pertumbuhan dan pemulihan ekonomi negara ekoran ketidaktentuan ekonomi global serta ketegangan geopolitik antarabangsa.

2. Perancangan dan Pelaksanaan Perolehan Tahunan 2022 dan 2023

- 2.1. Agensi hendaklah merancang dan melaksanakan proses perolehan lebih awal bagi memastikan semua perolehan dan projek dapat disiapkan dan bayaran disempurnakan menggunakan peruntukan tahunan 2022 dan 2023 sepertimana yang telah diluluskan oleh Parlimen.
- 2.2. Pelawaan perolehan lebih awal iaitu selewat-lewatnya pada suku kedua tahun 2022 dan 2023 akan benar-benar membantu pencapaian objektif Kerajaan memberi kelonggaran tatacara ini. Kegagalan Agensi memanfaatkan inisiatif yang diperkenalkan oleh Kementerian Kewangan ini akan menjejaskan bukan sahaja usaha merancakkan aktiviti ekonomi negara malah sebarang pertimbangan kelonggaran tatacara pada masa hadapan.
- 2.3. Perancangan Perolehan Tahunan (PPT) 2022 dan 2023 seboleh-bolehnya mengambil kira kelonggaran had nilai yang dibenarkan di bawah Pekeliling ini.

3. Kebenaran Mempakejkan Perolehan Tahunan Bagi Perolehan Bekalan, Perkhidmatan dan Kerja

- 3.1. Selaras dengan usaha Kerajaan untuk memastikan perolehan Kerajaan dapat dilaksanakan dengan segera di samping membuka lebih banyak peluang perolehan, Agensi Kerajaan dibenarkan untuk mepakej perolehan tahunan kepada pakej yang lebih kecil untuk dilaksanakan secara sebut harga atau undian (bagi perolehan kerja) berbanding tender.

Agensi TIDAK dibenarkan untuk mepakejkan perolehan yang perlu dilaksanakan secara tender/sebut harga kepada pembelian terus atau lantikan terus.

- 3.2. Had nilai perolehan yang dibenarkan untuk dipakejkan adalah bagi perolehan bernilai melebihi RM20,000 sahaja.
- 3.3. Bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan yang dipakejkan untuk dilaksanakan secara sebut harga adalah tertakluk kepada syarat berikut:
 - (i) perolehan sebut harga tersebut hendaklah dilaksanakan sepenuhnya melalui Sistem ePerolehan; dan
 - (ii) jika PPT Agensi mencatatkan perancangan pelaksanaan secara tender, PPT tersebut hendaklah dikemaskini di dalam Sistem ePerolehan dengan memilih '*Inactive*' pada perolehan yang dipinda dan '*Create*' perolehan baharu bagi mengelakkan pertindihan data (*double counting*). Kedua-dua maklumat perlu disahkan oleh Pengesah dan diluluskan oleh Pelulus yang telah ditetapkan.
- 3.4. Mana-mana perolehan yang telah dipecahkan kepada pakej lebih kecil dalam tempoh sehingga 30 Jun 2023, kaedah perolehan bagi baki pakej perolehan/projek yang belum dilaksanakan selepas tarikh tersebut adalah berdasarkan had nilai perolehan sedia ada berkuat kuasa.

4. Kaedah Perolehan Kerja

- 4.1 Bagi mempercepatkan proses perolehan dan meningkatkan aktiviti ekonomi, had nilai perolehan kerja Kerajaan dinaikkan ke nilai ambang baharu seperti dalam **Jadual 1** berikut:

Jadual 1

	Kaedah Perolehan	Had Nilai	Syarat Perolehan
a.	Lantikan terus	Sehingga RM20,000 (Kekal had nilai sedia ada seperti dalam PP/PK2.1)	<ul style="list-style-type: none"> • Kontraktor tempatan. • Kontraktor berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Gred G1. • Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta memenuhi syarat pendaftaran seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> i) berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta Sijil Taraf Bumiputera (STB); atau ii) mempunyai PPK dan Sijil Pusat Kontraktor Sabah (PUKONSA) (di Sabah); atau iii) mempunyai PPK dan Sijil Unit Pendaftaran Kerja dan Juruperunding (UPKJ) (di Sarawak).
b.	Kerja <i>requisition</i> secara undian	Sehingga RM100,000	<ul style="list-style-type: none"> • Menggunakan Jadual Kadar Kerja. • Kontraktor tempatan. • Kontraktor berdaftar dengan CIDB Gred G1. • Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta memenuhi syarat pendaftaran seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> i) berdaftar dengan CIDB dan mempunyai PPK, SPKK serta STB; atau ii) mempunyai PPK dan Sijil PUKONSA (di Sabah); atau iii) mempunyai PPK dan Sijil UPKJ (di Sarawak). • Bagi pelaksanaan kerja kategori elektrik dan kerja mekanikal khas untuk sembilan (9) sistem mekanikal dikekalkan seperti PK1.1 dan PK2.1 dengan had nilai seperti di Jadual 1, PK2.2.
c.	Sebut harga	Melebihi RM20,000 sehingga	<ul style="list-style-type: none"> • Kontraktor tempatan. • Kontraktor berdaftar dengan CIDB Gred G1. • Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar

	Kaedah Perolehan	Had Nilai	Syarat Perolehan
		RM200,000	<p>dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta memenuhi syarat pendaftaran seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) berdaftar dengan CIDB dan mempunyai PPK serta SPKK; atau ii) mempunyai PPK dan Sijil PUKONSA (di Sabah); atau iii) mempunyai PPK dan Sijil UPKJ (di Sarawak). <ul style="list-style-type: none"> • Bagi pelaksanaan kerja kategori elektrik dan kerja mekanikal khas untuk sembilan (9) sistem mekanikal dikekalkan seperti PK1.1 dan PK2.1 dengan had nilai seperti di Jadual 1, PK2.2.
		Melebihi RM200,000 sehingga RM500,000	<ul style="list-style-type: none"> • Kontraktor tempatan. • Kontraktor berdaftar dengan CIDB Gred G2. • Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta memenuhi syarat pendaftaran seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> i) berdaftar dengan CIDB dan mempunyai PPK serta SPKK; atau ii) mempunyai PPK dan Sijil PUKONSA (di Sabah); atau iii) mempunyai PPK dan Sijil UPKJ (di Sarawak). • Bagi pelaksanaan kerja kategori elektrik dan kerja mekanikal khas untuk sembilan (9) sistem mekanikal dikekalkan seperti PK1.1 dan PK2.1 dengan had nilai seperti di Jadual 1, PK2.2.
		Melebihi RM500,000 sehingga RM800,000	<ul style="list-style-type: none"> • Kontraktor tempatan. • Kontraktor berdaftar dengan CIDB Gred G3 (negeri berkenaan). • Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta memenuhi syarat pendaftaran seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> i) berdaftar dengan CIDB dan mempunyai PPK serta SPKK; atau

	Kaedah Perolehan	Had Nilai	Syarat Perolehan
			<ul style="list-style-type: none"> ii) mempunyai PPK dan Sijil PUKONSA (di Sabah); atau iii) mempunyai PPK dan Sijil UPKJ (di Sarawak). • Bagi pelaksanaan kerja kategori elektrik dan kerja mekanikal khas untuk sembilan (9) sistem mekanikal dikekalkan seperti PK 1.1 dan PK 2.1 dengan had nilai seperti di Jadual 1, PK2.2.
d.	Tender	Melebihi RM800,000	<ul style="list-style-type: none"> • Kontraktor tempatan. • Kontraktor berdaftar dengan CIDB Gred G3 hingga G7. • Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta memenuhi syarat pendaftaran seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> i) berdaftar dengan CIDB dan mempunyai PPK serta SPKK; atau ii) mempunyai PPK dan Sijil PUKONSA (di Sabah); atau iii) mempunyai PPK dan Sijil UPKJ (di Sarawak). • Bagi pelaksanaan kerja kategori elektrik dan kerja mekanikal khas untuk sembilan (9) sistem mekanikal dikekalkan seperti PK 1.1 dan PK 2.1 dengan had nilai seperti di Jadual 1, PK2.2. <p>Nota: Had nilai perolehan sebut harga bagi bekalan dan perkhidmatan adalah kekal iaitu melebihi RM20,000 sehingga RM500,000 sebagaimana PK2.1.</p>

- 4.2 Bagi kerja *requisition* menggunakan Jadual Kadar Kerja sehingga RM100,000 yang dilaksanakan secara undian, Agensi Kerajaan hendaklah mensyaratkan bahawa hanya penama di dalam PPK, SPKK atau STB sahaja boleh memohon atau berdaftar dan menghadiri proses undian dan tidak mewakili pegawai selain daripada penama yang dinamakan dalam sijil.

- 4.3 Bagi perolehan kerja secara sebut harga yang bernilai di antara RM20,000 hingga RM800,000 dan tempoh pembinaan kurang daripada tiga (3) bulan, Agensi Kerajaan boleh menggunakan Inden Kerajaan mengikut format seperti dalam PP/PK4.2. Sekiranya tempoh pembinaan melebihi tiga (3) bulan, Agensi Kerajaan hendaklah menggunakan Surat Setuju Terima (SST) seperti dalam PP/PK4.2.
- 4.4 Selain itu, Agensi Kerajaan diberi pengecualian khas kepada Arahan Perbendaharaan (AP) 182, tanpa perlu merujuk kepada Jabatan Teknik bagi projek bernilai sehingga RM500,000. Agensi Kerajaan yang telah dikenal pasti bagi projek ini adalah dilantik sebagai Agensi Pelaksana Projek dan bertanggungjawab sepenuhnya dengan mematuhi peraturan kewangan dan perolehan yang berkuat kuasa.

5. Had Nilai Bagi Pihak Berkuasa Melulus

- 5.1 Had nilai untuk memutuskan sebut harga oleh Jawatankuasa Sebut Harga adalah melebihi RM20,000 sehingga RM800,000 bagi perolehan kerja yang tertakluk kepada Pekeliling ini.
- 5.2 Had nilai untuk memutuskan sebut harga oleh Jawatankuasa Sebut Harga adalah kekal melebihi RM20,000 sehingga RM500,000 bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan.

6. Taklimat Tender/Sebut Harga/Lawatan Tapak

- 6.1. tatacara taklimat tender/sebut harga/lawatan tapak bagi perolehan bekalan, perkhidmatan, perunding dan kerja adalah seperti berikut:
- (i) taklimat atau lawatan tapak boleh dilaksanakan secara fizikal, dalam talian atau hibrid;
 - (ii) jika taklimat tender dilaksanakan dalam talian, maklumat berkaitan spesifikasi/terma rujukan/ brif projek berkenaan perlu jelas, dan terperinci untuk membantu syarikat yang menyertai sebut harga/tender memahami kehendak Agensi; dan
 - (iii) Agensi boleh memberi satu tempoh yang munasabah bagi syarikat melawat sendiri kawasan atau tapak yang dinyatakan dalam dokumen sebut harga/tender berkenaan. Lawatan tapak ini dapat membantu syarikat mendapat maklumat yang lebih tepat serta mengetahui keadaan dan memperoleh maklumat tambahan yang berguna bagi menyediakan tawaran sebut harga/tender.

7. Kaedah Pengendalian Mesyuarat Jawatankuasa Perolehan

- 7.1 Mesyuarat Lembaga Perolehan (LP) dan Jawatankuasa Sebut Harga (JKSH) boleh dilaksanakan secara fizikal, dalam talian ataupun hibrid.

8. Tarikh Kuat Kuasa

- 8.1 Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **1 Julai 2022 sehingga 30 Jun 2023 sahaja.**
- 8.2 Bagi maksud pelaksanaan Pekeliling ini, Surat Setuju Terima hendaklah dikeluarkan selewat-lewatnya pada 30 Jun 2023.
- 8.3 Sekiranya terdapat perbezaan arahan Kementerian Kewangan, peraturan dan tatacara perolehan dalam pekeling khusus lain, maka peraturan yang digariskan melalui pekeling ini adalah terpakai dan berkuat kuasa bagi tempoh yang ditetapkan oleh Kerajaan.